

## UNIT PENGURUSAN PELABURAN, SPD BPOPA

### 1. Pengurusan Pelaburan Kumpulanwang Amanah

#### 1.1 Definisi pelaburan Kumpulanwang Amanah

Pelaburan Kumpulanwang Amanah adalah pelaburan-pelaburan yang dibuat daripada Kumpulanwang Amanah selaras dengan suratcara amanah (Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957), arahan amanah (Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957) dan juga peraturan yang dikuatkuasakan. (Sumber: Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 6 – Disember 2004)

#### 1.2 Jenis-jenis pelaburan Kumpulanwang Amanah

Terdapat enam (6) jenis pelaburan Kumpulanwang Amanah, iaitu:-

- (i) Sekuriti Kerajaan Luar Negeri:  
Pelaburan dalam instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh negara luar.
- (ii) Sekuriti Kerajaan Malaysia:  
Pelaburan dalam instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.
- (iii) Saham dan Syer:  
Pelaburan dalam saham syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan syer dalam syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat-syarikat lain.
- (iv) Deposit Dalam Negeri:  
Pelaburan ini merupakan deposit atau simpanan tetap di institusi kewangan dalam negeri.
- (v) Deposit Luar Negeri:  
Pelaburan ini merupakan deposit dalam pelbagai mata wang asing di institusi kewangan di luar negara.
- (vi) Pelaburan Lain:  
Pelaburan dalam kategori ini adalah pelaburan selain yang dinyatakan di atas.

**1.3 Senarai institusi-institusi kewangan yang diluluskan untuk menerima deposit daripada jabatan/agensi/syarikat kerajaan**

**A. BANK PERDAGANGAN**

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank Berhad
4. EON Bank Berhad
5. Hong Leong Bank Berhad
6. Malayan Banking Berhad
7. Public Bank Berhad
8. RHB Bank Berhad
9. CIMB Bank Berhad

**B. BANK ISLAM**

1. Bank Islam Malaysia Berhad
2. Bank Muamalat Malaysia Berhad
3. RHB Islamic Bank Berhad
4. EONCAP Islamic Bank Berhad
5. Affin Islamic Bank Berhad
6. AmlIslamic Bank Berhad
7. CIMB Islamic Bank Berhad
8. Public Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
11. Maybank Islamic Berhad
12. Alliance Islamic Bank Berhad
13. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
14. Asian Finance Bank Berhad
15. HSBC Amanah Malaysia Berhad
16. OCBC Al-Amin Bank Berhad

**C. BANK PELABURAN**

1. Affin Investment Bank Berhad
2. Alliance Investment Bank Berhad
3. AmInvestment Bank Berhad
4. Maybank Investment Bank Berhad (dahulunya dikenali Aseambankers Malaysia Berhad)
5. CIMB Investment Bank Berhad
6. MIMB Investment Bank Berhad
7. RHB Investment Bank Berhad
8. Public Investment Bank Berhad
9. Kenanga Investment Bank Berhad
10. KAF Investment Bank Berhad
11. MIDF Amanah Investment Bank Berhad
12. ECM Libra Investment Bank Berhad
13. OSK Investment Bank Berhad
14. HwangDBS Investment Bank Berhad

#### **D. INSTITUSI KEWANGAN LAIN**

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
2. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
3. Agrobank Malaysia
4. Bank Simpanan Nasional (BSN)
5. Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
6. Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
7. Sabah Development Bank Berhad
8. Amanah Raya Berhad (terhad kepada Deposit Amanah sahaja)
9. Malaysia Building Society Berhad

#### **E. BANK ISLAM ANTARABANGSA**

1. Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad
2. PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, TBK

#### **1.4 Tanggungjawab institusi kewangan yang terlibat**

Setiap institusi kewangan yang telah diluluskan untuk peletakan simpanan tetap oleh Akauntan Negara Malaysia adalah bertanggungjawab untuk:-

- (i) mengeluarkan resit/sijil simpanan tetap atas nama 'AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA – AKAUN AMANAH.....' dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh peletakan / pembaharuan simpanan tetap;
- (ii) membuat pembayaran faedah pada tarikh matang ke akaun Jabatan Akauntan Negara Malaysia : **1554095430** di Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur;
- (iii) mengemukakan maklumat pembayaran faedah simpanan tetap yang lengkap untuk kemudahan pengesahan transaksi; dan
- (iv) mengemukakan pengesahan akhir tahun untuk tujuan pemeriksaan Jabatan Audit Negara.

- 1.5 Isu:** Data pada Borang Pengesahan Kredit (*Credit Confirmation Advice*) Bank Negara Malaysia (CA) bagi faedah simpanan tetap yang diterima tidak diisi dengan lengkap oleh institusi kewangan yang berkenaan.

**Penyelesaian:** Mengatur satu mesyuarat Penyelarasan Data Pada Borang Pengesahan Kredit (*Credit Confirmation Advice*) Bank Negara Malaysia yang pertama pada 8 April 2009.

Mesyuarat secara berkala di antara JANM dan bank-bank akan diadakan untuk memastikan rekod-rekod pelaburan JANM dan bank-bank adalah tepat dan masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan kadar segera.

## **2. Pengurusan Pelaburan Am Kerajaan**

### **2.1 Definisi pelaburan am**

Pelaburan am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada Akaun Hasil Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulanwang Amanah.  
(Sumber: Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 6 – Disember 2004)

### **2.2 Jenis-jenis pelaburan am**

Terdapat enam (6) jenis pelaburan am, iaitu:-

- (i) Sekuriti Kerajaan Luar Negeri:  
Pelaburan dalam instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh negara luar.
- (ii) Sekuriti Kerajaan Malaysia:  
Pelaburan dalam instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.
- (iii) Saham dan Syer:  
Pelaburan dalam saham syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan syer dalam syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat-syarikat lain.
- (iv) Deposit Dalam Negeri:  
Pelaburan ini merupakan deposit atau simpanan tetap di institusi kewangan dalam negeri.
- (v) Deposit Luar Negeri:  
Pelaburan ini merupakan deposit dalam pelbagai mata wang asing di institusi kewangan di luar negara.
- (vi) Pelaburan Lain:  
Pelaburan dalam kategori ini adalah pelaburan selain yang dinyatakan di atas.